## SYARAT AM KEMASUKAN KE PROGRAM SARJANA MUDA PENDIDIKAN

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM/Setaraf) dengan mendapat sekurang-kurangnya 6C / Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai;

**dan**

Lulus peperiksaan Sijil Tinggi Persekolah Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan:

- Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am; dan
- Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain;

**atau**

Lulus Matrikulasi/Asasi dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

**atau**

Lulus peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat Jayyid;

**atau**

Memiliki Diploma dalam bidang pengkhususan yang relevan dengan program yang dipohon dari institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan Senat Universiti dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.75;

**dan**

Memiliki Sijil *Malaysian University English Test (MUET)* dengan mendapat sekurang-kurangnya Tahap Dua (2) / Band Dua (2).

## SYARAT TAMBAHAN BAGI PERMOHONAN PROGRAM PENDIDIKAN UNTUK PERKHIDMATAN DENGAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

1. Terbuka kepada warganegara sahaja.
2. Calon yang memohon hendaklah sihat tubuh badan, tidak mengidap apa-apa penyakit mental atau fizikal, dan berupaya mengikuti program-program yang dirangka untuk kursus ini.

## SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

### SYARAT KHAS KEMASUKAN KE PROGRAM SARJANA MUDA PENDIDIKAN

BIL	KURSUS	SYARAT
1.	Pendidikan Muzik	<p>1. <u>Lepasan STPM/Matrikulasi/Asasi</u></p> <p><b>MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI</b></p> <p><b>DAN</b></p> <p>Berkemahiran bermain <b>satu (1) alat muzik atau nyanyian;</b></p> <p><b>dan</b></p> <p>Melepassi tahap minimum ujian <i>Malaysian Educators Selection Inventory</i> (MedSI)</p> <p><b>dan</b></p> <p>Lulus Ujian Khas dan temu duga yang ditetapkan</p> <p>2. <u>Lepasan Diploma/Setaraf</u></p> <p><b>MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI</b></p> <p><b>DAN</b></p> <p>Memiliki Diploma dalam mana-mana satu bidang yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan Senat universiti dan mendapat sekurang-kurangnya <b>PNGK 2.75.</b></p> <p><b>dan</b></p> <p>Berkemahiran bermain <b>satu (1) alat muzik atau nyanyian;</b></p> <p><b>dan</b></p> <p>Melepassi tahap minimum ujian <i>Malaysian Educators Selection Inventory</i> (MedSI)</p> <p><b>dan</b></p> <p>Lulus Ujian Khas dan temu duga yang ditetapkan</p>

## STRUKTUR PENGAJIAN PROGRAM SARJANA MUDA PENDIDIKAN (MUZIK) DENGAN KEPUJIAN

Struktur Pengajian Empat Tahun (SPET) - 135 Jam Kredit

<b>STRUKTUR 135</b>		
KOD KURSUS	KOMPONEN	JAM KREDIT
<b><u>KURSUS-KURSUS UNIVERSITI</u></b>		
HNP3312/ UPU3312 <b>**AMC3012 / UPU3322</b>	Pengajian Kenegaraan / <i>Warisan Seni dan Kebudayaan Malaysia</i>	2 / 2
BMW3032 / UBM3252 <b>**BMU3152 / UBM3242</b>	Wacana Akademik Bahasa Melayu / <i>Bahasa Melayu Pertengahan</i>	2 / 2
<b>HNH3182 / UPU3122</b>	<b>Penghayatan dan Etika Peradaban</b>	<b>2</b>
HNS3192 / UPU3112	Falsafah dan Isu Semasa	2
<b>**BMU3142 / UBM3132</b>	<i>Asas Komunikasi Bahasa Melayu 2</i>	<b>2</b>
PPI3012 / UPU3222	Budaya Keusahawanan	2
HNS2032 / UPU3412	Kesukarelawanan	2
BIU2032 / UBI3232	<b>**Kemahiran Bahasa Inggeris 3</b>	2
BIU2042 / UBI3242	<b>**Kemahiran Bahasa Inggeris 4</b>	2
	Ko-Kurikulum (Sukan / Kelab / Persatuan Unit Beruniform)	3
<b>JUMLAH</b>		<b>19 / **19</b>
<b><u>KURSUS-KURSUS PROFESIONAL PENDIDIKAN</u></b>		
KPF3012	*Perkembangan Pendidikan Di Malaysia : Falsafah Dan Dasar	2
KPP3014	*Pembelajaran & Perkembangan Pelajar	4
KPS3014	*Pengurusan Pembelajaran	4
KPD3016	*Pengajaran, Teknologi & Penaksiran 1	6
KPR3012	*Seminar Refleksi Latihan Mengajar	2
KPK3012	*Pendidikan Inklusif	2
KPG3013	Insan Guru Profesional	3
CMP2011/KPC3011	Pengurusan Kokurikulum	1
<b>JUMLAH</b>		<b>24</b>
<b><u>MAJOR</u></b>		
AMM3012	*Apresiasi Seni Muzik	2
AMM3022	*Kemahiran Asas Muzik I	2
AMM3032	Kemahiran Asas Muzik II	2
AMM3143	*Tonal Harmoni	3
AMM3062	Komposisi	2
AMM3133	Gubahan	3
AMS3062	Kemahiran Bermain Piano	2
AMS3042	Kemahiran Bermain Piano Lanjutan	2
AMS3032	*Teknik Vokal	2
AMS3072	Teknik Alat Bertali	2
AMS3092	Teknik Brass	2
AMS3052	Teknik Tiup Kayu	2
AMS3022	Teknik Perkusi	2
AMS3102	Kondukting	2
AMS3142	Aplikasi Muzik I	2
AMS3152	Aplikasi Muzik II	2
AMS3162	Aplikasi Muzik III	2
AME3072	Gendangan Melayu	2
AME3082	Caklempong Dan Gamelan	2
AME3141	Koir I	1
AME3151	Koir II	1
AMK3071	Ensembel I	1
AMK3081	Ensembel II	1

KOD KURSUS	KOMPONEN	JAM KREDIT
AMB3043	Pengurusan Pancaragam Sekolah	3
AMM3082	*Muzik Tradisional Malaysia	2
AMM3072	Sejarah Muzik Barat	2
AMM3162	Muzik Dunia	2
AMP3013	*Teknologi Dalam Pendidikan Muzik	3
AMP3043	*Pendekatan Pelbagai Dalam Pendidikan Muzik	3
AMP3033	Pengenalan Kepada Penyelidikan Dalam Pendidikan Muzik	3
AMP3072	Perkembangan Pendidikan Muzik Di Malaysia	2
AMP3083	Kajian Dalam Pendidikan Muzik	3
AMP3056	*Projek Persembahan Akhir	6
<b>JUMLAH</b>		<b>73</b>
KPR3044	Elektif	9
KPR3054	Latihan Mengajar	4
KPR3032	Latihan Mengajar 2 PPG 1 + PPG2	4 2
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>135</b>

\*Kursus di atas wajib diulang sekiranya memperoleh Gred C- dan ke bawah.

Mulai semester 5, para pelajar dikehendaki untuk memenuhi 9 jam kredit sebagai kursus elektif dari mana-mana kursus yang ditawarkan oleh mana-mana fakulti dengan persetujuan Penasihat Akademik.

### SENARAI KURSUS PRASYARAT SARJANA MUDA PENDIDIKAN (MUZIK) DENGAN KEPUJIAN

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Prasyarat	
			Kod Kursus	Nama Kursus
1.	AMM3032	Kemahiran Asas Muzik II	AMM3022	Kemahiran Asas Muzik I
2.	AMM3062	Komposisi	AMM3143	Tonal Harmoni
3.	AMM3133	Gubahan	AMM3062 AMM3143	Komposisi Tonal Harmoni
4.	AMS3152	Aplikasi Muzik II	AMS3142	Aplikasi Muzik I
5.	AMS3162	Aplikasi Muzik III	AMS3152	Aplikasi Muzik II
6.	AME3141	Koir I	AMS3032	Teknik Vokal
7.	AME3151	Koir II	AME3141	Koir I
8.	AMK3081	Ensembel II	AMK3071	Ensembel I
9.	AMP3056	Projek Persembahan Akhir	Wajib Melengkapkan 80% Kursus Major	

## STRUKTUR PENGAJIAN MENGIKUT SEMESTER SARJANA MUDA PENDIDIKAN (MUZIK) DENGAN KEPUJIAN (A211)

AMBILAN OKTOBER – MULAI SEMESTER 1 SESI 2021/2022 (A211)					
Semester 1 (A211)			Semester 2 (A212)		
Kod	Nama Kursus	Kredit	Kod	Nama Kursus	Kredit
UPU3312	Pengajian Kenegaraan /	2/	UPU3222	Budaya Keusahawanan	2
*UPU3322	Warisan Seni dan Kebudayaan Malaysia	2			
UPU3122	Penghayatan Etika & Peradaban	2	UPU3412	Kesukarelawan	2
*UBM3132	Asas Komunikasi Bahasa Melayu 2	2	KPS3014	Pengurusan Pembelajaran	4
KPF3012	Perkembangan Pendidikan di Malaysia: Falsafah dan Dasar	2		Ko kurikulum	1
CMP2011	Pengurusan Kokurikulum	1	AMM3032	Aural II <i>Kemahiran Asas Muzik II</i>	2
AMM3012	Music Appreciation <i>Apresiasi Seni Muzik</i>	2	AMS3092	Brass Technique <i>Teknik Brass</i>	2
AMM3022	Aural I <i>Kemahiran Asas Muzik I</i>	2	AMS3062	Piano Proficiency <i>Kemahiran Bermain Piano</i>	2
AMS3022	Percussion Technique <i>Teknik Perkusi</i>	2	AMS3072	Strings Technique <i>Teknik Alat Bertali</i>	2
AMS3032	Vocal Technique <i>Teknik Vokal</i>	2	AMS3142	Applied Music I <i>Aplikasi Muzik I</i>	2
AME3082	Caklempong dan Gamelan	2			
	*Daftar KPR3032 PPG				
<b>JUMLAH JAM KREDIT</b>		<b>17/*19</b>	<b>JUMLAH JAM KREDIT</b>		<b>19</b>
<b>CUTI SEMESTER 2 - PPG</b>					
Semester 3 (A221)			Semester 4 (A222)		
Kod	Nama Kursus	Kredit	Kod	Nama Kursus	Kredit
UBM3252	Wacana Akademik Bahasa Melayu/	2/	KPK3012	Pendidikan Inklusif	2
*UBM3242	Bahasa Melayu Pertengahan	2			
UPU3112	Falsafah & Isu Semasa	2		Ko Kurikulum	1
KPP3014	Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar	4	UBI3242	English Proficiency 4	2
UBI3232	English Proficiency 3	2	AMM3062	Composition <i>Komposisi</i>	2
	Ko Kurikulum	1	AMK3071	Ensemble I	1
AMM3143	Tonal Harmony <i>Harmoni Tonal</i>	3	AMS3162	Applied Music III <i>Aplikasi Muzik III</i>	2
AMS3042	Kemahiran Bermain Piano Lanjutan Advance Piano Proficiency	2	AMP3013	Technology in Music Education <i>Teknologi Dalam Pendidikan Muzik</i>	3
AMS3052	Woodwind Technique <i>Teknik Tiup Kayu</i>	2	AMM3072	History of Western Music <i>Sejarah Muzik Barat</i>	2
AMS3152	Applied Music II <i>Aplikasi Muzik II</i>	2	AME3072	Gendangan Melayu	2
			AME3141	Koir I <i>Choir I</i>	1
<b>JUMLAH JAM KREDIT</b>		<b>20/*20</b>	<b>JUMLAH JAM KREDIT</b>		<b>18</b>
Semester 5 (A231)			Semester 6 (A232)		
Kod	Nama Kursus	Kredit	Kod	Nama Kursus	Kredit
KPD3016	Pengajaran, Teknologi dan Penaksiran 1	6	AMP3072	Perkembangan Pendidikan Muzik di Malaysia	2
KPG3013	Insan Guru Profesional	3	AMP3033	Pengenalan Kepada Penyelidikan Dalam Pendidikan Muzik	3
AMK3081	Ensemble II	1	AMP3043	Integrated Approaches in Music Education <i>Pendekatan Pelbagai Dalam Pendidikan Muzik</i>	3
AMB3043	School Band Management <i>Pengurusan Pancaragam Sekolah</i>	3	AMS3102	Conducting <i>Konduktng</i>	2
AME3151	Koir II <i>Choir II</i>	1	AMM3082	Malaysian Traditional Music <i>Muzik Tradisional Malaysia</i>	2
	Kursus Elektif 1 <i>Elective 1</i>	3	AMM3133	Gubahan <i>Arranging</i>	3
	Kursus Elektif 2 * (AMS3172 Applied Music IV) <i>Elective 2 *(AMS3172 Aplikasi Muzik IV)</i>	2		Kursus Elektif 3 <i>Elective 3</i>	3
			LM akan berjalan pada cuti semester 6 (Julai) (Pendaftaran kursus LM pada semester 7)		
<b>JUMLAH JAM KREDIT</b>		<b>19</b>	<b>JUMLAH JAM KREDIT</b>		<b>18</b>
Semester 7 (A241)			Semester 8 (A242)		
Kod	Nama Kursus	Kredit	Kod	Nama Kursus	Kredit
KPR3054	Latihan Mengajar	4	KPR3012	Seminar Refleksi Latihan Mengajar	2
			AMP3056	Projek Persembahan Akhir	6
			AMP3083	Kajian Dalam Pendidikan Muzik	3
			AMM3162	World Music <i>Muzik Dunia</i>	2
				Kursus Elektif 4 <i>Elective 4</i>	3
<b>JUMLAH JAM KREDIT</b>		<b>4</b>	<b>JUMLAH JAM KREDIT</b>		<b>16</b>

\*Kursus yang perlu diambil oleh Pelajar Bukan Warganegara

\*\*Pendaftaran Kursus Bahasa Inggeris adalah tertakluk kepada keputusan MUET pelajar.

-Kursus Elektif 2-Pelajar perlu mengambil kursus AMS3172 Applied Music IV sebagai kursus wajib elektif.

-Kod kursus yang bermula daripada B (contoh: BJK3032 Bahasa Jepun Komunikasi) adalah kursus audit. Kursus ini tidak dikira sebagai kursus elektif.

## SINOPSIS KURSUS SARJANA MUDA PENDIDIKAN (MUZIK) DENGAN KEPUJIAN

### **AMM3012 APRESIASI SENI MUZIK**

**2 Kredit**

**Prasyarat: Tiada**

Tujuan kursus ini ialah untuk memberi pemahaman tentang konsep asas dan elemen dalam muzik. Pelajar akan diperdengarkan dengan pelbagai genre muzik dan memahami bagaimana muzik berkembang dalam budaya-budaya yang berbeza.

### **AMM3022 KEMAHIRAN ASAS MUZIK I**

**2 Kredit**

**Prasyarat: Tiada**

Kursus ini bertujuan untuk memperkukuhkan pembacaan notasi dan pendengaran dengan kepekaan terhadap bunyi pic dan ritma sebagai persediaan kepada permainan alat muzik dan nyanyian. Pendedahan dalam mengenalpasti, menganalisa dan memberi ulasan terhadap konsep-konsep muzik juga akan disertakan.

### **AMM3032 KEMAHIRAN ASAS MUZIK II**

**2 Kredit**

**Prasyarat: AMM3022 Kemahiran Asas Muzik I**

Kursus ini merupakan lanjutan daripada Kemahiran Asas Muzik I yang bertujuan untuk lebih memperkukuhkan pembacaan notasi dan pendengaran dengan kepekaan terhadap bunyi pic dan ritma sebagai persediaan kepada permainan alat muzik dan nyanyian. Pendedahan lanjut dalam mengenalpasti, menganalisis dan memberi ulasan terhadap konsep-konsep muzik juga akan disertakan.

### **AMM3143 HARMONI TONAL**

**3 Kredit**

**Prasyarat: Tiada**

Kursus ini memberi tumpuan kepada komponen asas harmoni dan bentuk muzik. Ia juga merangkumi prinsip tuju suara dalam susun gubah empat suara, menganalisa struktur dan pergerakan harmoni dalam muzik tonal dari tahun 1650 sehingga 1900.

### **AMM3062 KOMPOSISI**

**2 Kredit**

**Prasyarat: AMM3143 Harmoni Tonal**

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada teknik-teknik asas ciptaan lagu. Setiap pelajar dikehendaki menghasilkan ciptaan asli dalam pelbagai bentuk muzik tonal berdasarkan teknik-teknik ciptaan yang dipelajari.

### **AMM3133 GUBAHAN**

**3 Kredit**

**Prasyarat: AMM3062 Komposisi, AMM3143 Harmoni Tonal**

Kursus ini direkabentuk untuk mendedahkan pelajar tentang aspek teori dan amali dalam menghasilkan gubahan muzik. Teknik 'voicing' dalam gubahan muzik instrumental dan teknik penulisan gubahan bentuk muzik juga akan dibincangkan.

### **AMS3062 KEMAHIRAN BERMAIN PIANO**

**2 Kredit**

**Prasyarat: Tiada**

Kursus pengenalan ini tertumpu kepada pelbagai teknik permainan piano seperti postur badan, tangan, pengukuhan penjarian dan pembacaan not. Pelajar juga didedahkan kepada asas pengharmonian melodi dan bermain repertoire asas.

## SINOPSIS KURSUS SARJANA MUDA PENDIDIKAN (MUZIK) DENGAN KEPUJIAN

### **AMS3042 KEMAHIRAN BERMAIN PIANO LANJUTAN**

**2 Kredit**

#### **Prasyarat: AMS3062 Kemahiran Bermain Piano**

Kursus ini adalah lanjutan daripada Piano Proficiency I yang memberi penekanan kepada pelbagai teknik lanjutan permainan piano seperti postur badan, tangan, pengukuhan penjarian dan pembacaan not. Pelajar juga didedahkan kepada aras pertengahan pengharmonian melodi dan repertoire piano.

### **AMS3032 TEKNIK VOKAL**

**2 Kredit**

#### **Prasyarat: Tiada**

Kursus ini bertujuan untuk mengembangkan teknik asas vokal seperti pengawalan nafas, pengeluaran ton, *tone placement*, artikulasi dan sebutan. Pelajar akan didedahkan dengan repertoire solo untuk membentuk *musicianship* dan juga penghayatan dalam nyanyian.

### **AMS3072 TEKNIK ALAT BERTALI**

**2 Kredit**

#### **Prasyarat: Tiada**

Kursus ini menyediakan pelajar tentang teknik-teknik asas untuk alat bertali. Ia juga menekankan asas permainan dan pengajaran alat-alat bertali di bilik darjah. Pelajar-pelajar akan memilih salah satu alat muzik bertali samada violin, viola, cello atau double bass. Terminologi, pengeluaran ton dan penjagaan alat-alat bertali juga turut dibincangkan.

### **AMS3092 TEKNIK BRASS**

**2 Kredit**

#### **Prasyarat: Tiada**

Kursus ini bertujuan untuk melatih pelajar memperolehi kemahiran asas memainkan alat-alat brass meliputi aspek teknik bermain, pengendalian, penjagaan alat, kaedah mengajar alat serta aplikasi melalui persembahan individu. Di akhir kursus pelajar dapat menunjuk cara dan menerangkan konsep asas permainan alat brass di peringkat sekolah menengah.

### **AMS3052 TEKNIK TIUP KAYU**

**2 Kredit**

#### **Prasyarat: Tiada**

Kursus ini akan memperkembangkan kemahiran asas permainan alat tiup kayu dengan penekanan kepada teknik dan kaedah, bagaimana mengajar teknik dan aplikasi teknik dalam persembahan. Antara kandungan topik ialah penyelenggaraan, pemasangan, cara memegang dan posisi permainan, pembentukan embouchure, teknik pernafasan, kebolehan menghasilkan dan mengekalkan tone, sistem penjarian dan pengubahsuaian pic. Bahan pengajaran dan repertoire juga diperkenalkan.

### **AMS3022 TEKNIK PERKUSI**

**2 Kredit**

#### **Prasyarat: Tiada**

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada kemahiran teknik asas bermain alat perkusi. Aspek penulisan gubahan dan penilaian terhadap persembahan perkusi juga turut dibincangkan.

### **AMS3102 KONDUKTING**

**2 Kredit**

#### **Prasyarat: Tiada**

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada asas teknik dan kemahiran konduktng dalam bidang koral dan instrumental. Pelajar juga akan didedahkan untuk memimpin dan mengendalikan latihan ensemble sebenar.



## SINOPSIS KURSUS SARJANA MUDA PENDIDIKAN (MUZIK) DENGAN KEPUJIAN

### **AMS3142 APLIKASI MUZIK I**

**2 Kredit**

#### **Prasyarat: Tiada**

Memperkembangkan pengetahuan dan kemahiran alat utama pelajar atau suara. Penekanan utama adalah tertumpu kepada produksi ton, teknik pernafasan, *overtone series*. Kebolehan bermain skel, arpeggio, bacaan semerta serta memainkan lagu pilihan juga diberi penekanan. Di akhir kursus pelajar dapat mempersembahkan dan menilai keperluan teknikal, mekanisma dan estetik persembahan alat utama.

### **AMS3152 APLIKASI MUZIK II**

**2 Kredit**

#### **Prasyarat: AMS3142 Aplikasi Muzik I**

Kursus ini adalah lanjutan kepada kursus Applied Music I. Memperkembangkan pengetahuan dan kemampuan persembahan alat utama atau suara pelajar. Penekanan diberikan kepada produksi ton, teknik pernafasan, *overtone series* dan *embouchure*. Kebolehan bermain skel, arpeggio, bacaan semerta serta memainkan lagu pilihan juga akan diberi penekanan.

### **AMS3162 APLIKASI MUZIK III**

**2 Kredit**

#### **Prasyarat: AMS3152 Aplikasi Muzik II**

Kursus ini adalah lanjutan kepada kursus Applied Music II. Memperkembangkan pengetahuan dan kemampuan persembahan alat utama atau suara pelajar. Penekanan diberikan kepada produksi ton, teknik pernafasan, *overtone series* dan *embouchure*. Kebolehan bermain skel, arpeggio, bacaan semerta serta memainkan lagu pilihan juga akan diberi penekanan.

### **AME3072 GENDANGAN MELAYU**

**2 Kredit**

#### **Prasyarat: Tiada**

Kursus ini meliputi perbincangan dan aspek praktikal dalam ensembel gendangan Melayu. Ia merangkumi teknik permainan alat, struktur muzik, penjagaan alat dan lain-lain aspek yang berkaitan dengan ensembel gendang tradisional. Pelajar akan mengambil bahagian dalam ensembel gendang tradisional pilihan di samping mempersembahkan komposisi baharu.

### **AME3082 CAKLEMPONG DAN GAMELAN**

**2 Kredit**

#### **Prasyarat: Tiada**

Kursus ini memberi pendedahan kepada ensembel Gamelan Melayu dan Caklempong. Pelajar akan mempelajari kemahiran asas memainkan setiap peralatan yang terdapat dalam ensembel tersebut. Pendedahan diberi kepada teknik memainkan alat, mempelajari struktur muzik dan lain-lain aspek yang berkaitan dengan ensembel tersebut. Kursus ini berbentuk amali dan di akhir kursus ini pelajar dikehendaki membuat persembahan secara ensemble.

### **AME3141 KOIR I**

**1 Kredit**

#### **Prasyarat: AMS3032 Teknik Vokal**

Kursus ini merupakan lanjutan dari teknik vokal dengan penumpuan terhadap teknik persembahan, pemanasan suara dan rutin latihan. Sebagai persediaan nyanyian berpotensi di aras yang lebih tinggi, pelajar akan didedahkan dengan repertoire muzik koral yang lebih mencabar untuk mengukuhkan pengisian muzikal, struktur dan stail. Pelajar akan mempelajari teknik tentang pengurusan dan persembahan koir.

## SINOPSIS KURSUS SARJANA MUDA PENDIDIKAN (MUZIK) DENGAN KEPUJIAN

### **AME3151 KOIR II**

**1 Kredit**

#### **Prasyarat: AME3141 Koir I**

Kursus ini merupakan lanjutan dari Koir I dengan penumpuan terhadap teknik persembahan, pemanasan suara dan rutin latihan. Sebagai persediaan nyanyian berpotensi di aras yang lebih tinggi, pelajar akan didedahkan dengan repertoire muzik koral yang lebih mencabar untuk mengukuhkan pengisian muzikal, struktur dan stail. Pelajar akan mempelajari teknik tentang pengurusan dan persembahan koir.

### **AMK3071 ENSEMBEL I**

**1 Kredit**

#### **Prasyarat: Tiada**

Kursus ini menyediakan peluang kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran bermain alat utama melalui pengalaman praktikal dalam persembahan ensemble instrumental menggunakan repertoire orkestra.

### **AMK3081 ENSEMBEL II**

**1 Kredit**

#### **Prasyarat: AMK3071 Ensemble I**

Kursus ini adalah lanjutan daripada Ensemble I menyediakan peluang kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran bermain alat utama melalui pengalaman praktikal dalam persembahan ensemble instrumental menggunakan repertoire ensemble orkestra tahap lanjutan.

### **AMB3043 PENGURUSAN PANCARAGAM SEKOLAH**

**3 Kredit**

#### **Prasyarat: Tiada**

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada aspek pengurusan program pancaragam sekolah yang berkesan. Pelajar akan didedahkan kepada rasional penubuhan pancaragam sebagai aktiviti ko-kurikulum, jenis-jenis ensemble pancaragam serta pentadbiran dan pengelolaan program pancaragam sekolah yang merangkumi aspek seperti keahlian, penjagaan alat dan unifom, pencartaan dan formasi dan perancangan aktiviti pancaragam.

### **AMM3082 MUZIK TRADISIONAL MALAYSIA**

**2 Kredit**

#### **Prasyarat: Tiada**

Kursus ini memberi pendedahan kepada beberapa jenis muzik klasik, rakyat, sinkretik dari pelbagai bangsa di Malaysia. Pelajar berpeluang mengenali dan mengkaji sejarah, pengaruh, fungsi dan elemen-elemen muzik dalam bentuk muzik tradisional Malaysia. Pelajar juga akan didedahkan dengan praktikal mengenai muzik tradisional yang terpilih.

### **AMM3072 SEJARAH MUZIK BARAT**

**2 Kredit**

#### **Prasyarat: Tiada**

Kursus ini membincangkan sejarah perkembangan Muzik Klasikal Barat merangkumi perkembangan muzik dari Zaman Pertengahan, Renaissance, Zaman Barok, Zaman Klasikal, Zaman Romantika. Abad ke-20 dan pengkaryaan muzik pelbagai genre dan stail oleh komposer terulung yang terpilih.

## SINOPSIS KURSUS SARJANA MUDA PENDIDIKAN (MUZIK) DENGAN KEPUJIAN

### **AMM3162 MUZIK DUNIA**

**2 Kredit**

**Prasyarat: Tiada**

Kursus ini adalah memperkenalkan seni mendengar pilihan muzik tradisi dunia. Pelajar-pelajar akan meneroka tatacara bagaimana sesuatu muzik tradisi terbentuk dan bagaimana ia membentuk sosio-budaya persembahannya. Kursus ini juga akan membantu pelajar pengetahuan dalam menganalisa, membuat kritikan serta mengenali nilai sesebuah muzik yang melambangkan pelbagai sistem budaya, agama, politik, ekonomi dan sosial.

### **AMP3033 PENGENALAN KEPADA PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN MUZIK**

**3 Kredit**

**Prasyarat: Tiada**

Kursus ini dirangka untuk memperkenalkan pelajar kepada kefahaman asas tentang aspek-aspek penting penyelidikan formal dalam bidang pendidikan muzik. Ia bertujuan untuk membimbing pelajar memahami bagaimana penyelidikan dapat membantu amalan dan menjadi pemangkin kepada kerja-kerja lanjutan dalam bidang pendidikan muzik. Pelajar akan didedahkan kepada paradigma utama, metodologi dan kaedah penyelidikan dalam bidang pendidikan muzik.

### **AMP3056 PROJEK PERSEMBAHAN AKHIR**

**6 Kredit**

**Prasyarat: Telah melengkapkan sekurang-kurangnya 80% kursus major**

Kursus ini dirangka khas untuk mendedahkan pelajar tahun akhir pendidikan muzik dengan pengetahuan dan kemahiran merancang, mengelola, mengurus, menerbit dan membuat persembahan untuk pertunjukan muzik. Pelajar akan didedahkan dengan pelbagai faktor dan pertimbangan yang perlu diambil kira bagi menghasilkan pertunjukan muzik yang berjaya.

### **AMP3072 PERKEMBANGAN PENDIDIKAN MUZIK DI MALAYSIA**

**2 Kredit**

**Prasyarat: Tiada**

Kajian tentang teras historikal, falsafah, psikologikal, sosiologikal dan metodologikal pendidikan muzik dalam konteks perkembangan pendidikan muzik di Malaysia. Isu dan cabaran semasa serta trend dan hala tuju amalan Pendidikan Muzik di Malaysia akan dibincangkan.

### **AMP3083 KAJIAN DALAM PENDIDIKAN MUZIK**

**3 Kredit**

**Prasyarat: Tiada**

Kursus ini adalah lanjutan daripada Pengenalan kepada Penyelidikan dalam Pendidikan Muzik. Pelajar dikehendaki menulis laporan lengkap hasil penyelidikan dalam bidang pendidikan muzik berpandukan format penulisan kajian.

### **AMM3112 ASAS TEORI MUZIK**

**2 Kredit**

**Prasyarat: Tiada**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada aspek penulisan notasi dan teori muzik. Ia meliputi pengetahuan terhadap muzik notasi, pic dalam pelbagai klef, skel major dan minor, mode, jeda, struktur triad asas dan asas terminologi muzik. Kursus ini juga menjalankan latihan pelbagai corak irama.

### **AMP3023 TERAS DALAM PENDIDIKAN MUZIK**

**3 Kredit**

**Prasyarat: Tiada**

Kursus ini mendedahkan pelajar pendidikan muzik dengan peranan dan amalan pendidikan muzik dari perspektif sejarah, falsafah, psikologi dan sosiologi. Kursus ini turut mengkaji isu semasa, prinsip pembelajaran serta kurikulum dan pengajaran pendidikan muzik khususnya di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.

## SENARAI KURSUS MINOR PENDIDIKAN MUZIK

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	JAM KREDIT
AMM3112	Asas Teori Muzik	2
AME3072	Gendangan Melayu	2
AMM3022	Kemahiran Asas Muzik I	2
AMS3022	Teknik Perkusi	2
AMS3032	Teknik Vokal	2
AMM3012	Apresiasi Seni Muzik	2
AME3141	Koir I	1
AME3151	Koir II	1
AMS3062	Kemahiran Bermain Piano	2
AMM3082	Muzik Tradisional Malaysia	2
AMP3023	Teras Dalam Pendidikan Muzik	3
AMP3043	Pendekatan Pelbagai Dalam Pendidikan Muzik	3
<b>JUMLAH</b>		<b>24</b>

## AGIHAN KURSUS MINOR MENGIKUT SEMESTER PENGAJIAN

Semester 3			Semester 4		
Kod	Nama Kursus	Kredit	Kod	Nama Kursus	Kredit
AMM3112	Asas Teori Muzik	2	AME3072	Gendangan Melayu	2
AMM3022	Kemahiran Asas Muzik I	2	AMS3022	Teknik Perkusi	2
AMM3012	Apresiasi Seni Muzik	2	AMS3032	Teknik Vokal	2
<b>JUMLAH JAM</b>		<b>6</b>	<b>JUMLAH JAM</b>		<b>6</b>
Semester 5			Semester 6		
Kod	Nama Kursus	Kredit	Kod	Nama Kursus	Kredit
AMP3023	Teras Dalam Pendidikan	3	AMS3062	Kemahiran Bermain Piano	2
AME3141	Koir I	1	AME3151	Koir II	1
AMM3082	Muzik Tradisional Malaysia	2	AMP3043	Pendekatan Pelbagai Dalam Pendidikan Muzik	3
<b>JUMLAH JAM</b>		<b>6</b>	<b>JUMLAH JAM</b>		<b>6</b>

# JABATAN SENI PERSEMBAHAN

## PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN

1. PROGRAM SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TARI) DENGAN KEPUJIAN
2. PROGRAM SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TEATER) DENGAN KEPUJIAN
3. PROGRAM MINOR TARI
4. PROGRAM MINOR TARI

## PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN

### 1. PROGRAM SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TARI) DENGAN KEPUJIAN

#### OBJEKTIF PROGRAM

Program Sarjana Muda Seni Persembahan (Tari) dengan Kepujian adalah berhasrat melahirkan graduan dalam bidang tari yang berteraskan kesenian dan kebudayaan, selaras dengan dasar kerajaan bagi mencapai Wawasan 2020 untuk meningkatkan kualiti sosioekonomi dan pembangunan modal insan dalam semua bidang termasuk tari. Kandungan kurikulum program Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan (Tari) dengan Kepujian ini digubal dengan matlamat untuk membentuk individu yang dapat mengembangkan potensi kognitif, afektif dan psikomotor pementakan secara strategik daripada peringkat ijazah untuk melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dan doktor falsafah kelak selaras dengan matlamat pendidikan sepanjang hayat (*longlife learning*). Melalui kurikulum yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani membolehkan graduan menceburi kerjaya dalam bidang tari selain memiliki pengetahuan, dinamik, berkemahiran dan mempunyai keyakinan yang tinggi khususnya untuk melaksanakan program dan projek yang berkaitan dengan seni persembahan, kesenian dan kebudayaan negara.

**Program Sarjana Muda Seni Persembahan (Tari) dengan Kepujian akan melahirkan graduan yang:-**

- i. memperoleh pengetahuan dalam bidang tari;
- ii. menguasai kemahiran dalam bidang tari;
- iii. membina tingkah laku, nilai dan tahap profesional yang beretika;
- iv. mempunyai pengetahuan dan kebolehan untuk menyalurkan maklumat dengan komunikasi berkesan;
- v. meningkatkan bilangan pekerja separa mahir dalam bidang tari bagi memenuhi kehendak industri pada peringkat tempatan dan antarabangsa; dan
- vi. mewujudkan peluang-peluang kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi.

## **2. PROGRAM SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TEATER) DENGAN KEPUJIAN**

### **OBJEKTIF PROGRAM**

Program Sarjana Muda Seni Persembahan (Teater) dengan Kepujian merupakan sebuah program seni persembahan yang merupakan wadah ilmu kepada masyarakat dengan tujuan untuk melestarikan budaya dan seni di Malaysia. Lakon, pengarah dan pengurusan produksi merupakan beberapa gabungan unsur yang terdapat dalam seni persembahan yang menjadi teras kepada program ini. Selain itu, program ini juga berupaya membentuk individu yang berketerampilan dan berkeyakinan tinggi. Tuntasnya, program ini dapat melahirkan individu yang seimbang antara teori dan praktikal dalam seni persembahan.

**Program Sarjana Muda Seni Persembahan (Teater) dengan Kepujian akan melahirkan graduan yang:-**

- i. memperoleh pengetahuan dalam bidang teater;
- ii. menguasai kemahiran dalam bidang teater;
- iii. membina tingkah laku, nilai dan tahap profesional yang beretika;
- vi. mempunyai pengetahuan dan kebolehan untuk menyalurkan maklumat dengan komunikasi berkesan;
- v. meningkatkan bilangan pekerja separa mahir dalam bidang teater bagi memenuhi kehendak industri pada peringkat tempatan dan antarabangsa; dan
- vi. mewujudkan peluang-peluang kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi.

## **3. PROGRAM MINOR TARI**

## **4. PROGRAM MINOR TEATER**

# SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

## SYARAT AM UNIVERSITI DAN SYARAT KHAS PROGRAM SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TARI) DENGAN KEPUJIAN

### Memenuhi Syarat Am Universiti:

#### SYARAT AM UNIVERSITI

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / setaraf dengan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Malaysia kertas Julai;

**dan**

Lulus peperiksaan Sijil Tinggi Prasekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya;

- Gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran Pengajian Am;
- Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain

**atau**

Lulus Matrikulasi/Asasi dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

**atau**

Mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM);

**atau**

Memiliki Diploma dalam bidang pengkhususan yang relevan dengan program yang dipohon dari institusi pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan Senat universiti dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.75;

**atau**

Memiliki Sijil *Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)* yang dianugerahkan oleh MQA Peringkat Diploma (Tahap 4 MQF)

**atau**

Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat universiti;

**atau**

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam *Malaysian University English Test (MUET)*;

#### SYARAT KHAS PROGRAM

Lulus temuduga dan uji khas yang dikendalikan oleh pihak Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.



# SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

## SYARAT AM UNIVERSITI DAN SYARAT KHAS KEMASUKAN KE PROGRAM SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TEATER) DENGAN KEPUJIAN

### Memenuhi Syarat Am Universiti:

#### SYARAT AM UNIVERSITI

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / setaraf dengan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Malaysia kertas Julai;

**dan**

Lulus peperiksaan Sijil Tinggi Prasekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya;

- Gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran Pengajian Am;
- Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain

**atau**

Lulus Matrikulasi/Asasi dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

**atau**

Mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM);

**atau**

Memiliki Diploma dalam bidang pengkhususan yang relevan dengan program yang dipohon dari institusi pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan Senat universiti dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.75;

**atau**

Memiliki Sijil *Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)* yang dianugerahkan oleh MQA Peringkat Diploma (Tahap 4 MQF)

**atau**

Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat universiti;

**atau**

Mendapat sekurangnya-kurang Tahap 2 (Band 2) dalam *Malaysian University English Test (MUET)*;

#### SYARAT KHAS PROGRAM

Lulus temuduga dan uji khas yang dikendalikan oleh pihak Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

## KURSUS-KURSUS UNIVERSITI

KOD KURSUS	KOMPONEN	JAM KREDIT
HNP3312 (UPU3312) / ***HNS2032 (UPU3412)	Pengajian Kenegaraan / Kesukarelawan	2
BMW3032(UBM3252)/ ***BMU3142 (UBM3132)	Wacana Akademik Bahasa Melayu/ Asas Komunikasi Bahasa Melayu 2	2
PPI3012 (UPU3222)	Budaya Keusahawanan	2
HNS3192(UPU3112) / ***AMC3012 (UPU3322)	Falsafah dan Isu Semasa / Warisan Seni dan Budaya Malaysia	2
HNF3012 (UPU3132)	Falsafah Ilmu	2
HNH3182 (UPU3122)	Penghayatan dan Etika Peradaban	2
**BIU2032 (UBI3232)	English Proficiency 3	2
**BIU2042 (UBI3242)	English Proficiency 4	2
MTE3012	Ko-kurikulum (Sukan / Kelab / Persatuan Unit Beruniform) Kompetensi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Ujian Diagnostik)	2
	<b>JUMLAH</b>	<b>20</b>

\*\*Semua kursus di atas wajib diulang sekiranya memperoleh Gred C- dan ke bawah  
 \*\*\* Kursus Universiti yang perlu diambil oleh Pelajar Bukan Warganegara

### SINOPSIS KURSUS UNIVERSITI

#### **HNP3312 (UPU3312) PENGAJIAN KENEGARAAN**

**2 Kredit**

Kursus ini membincangkan aspek-aspek kenegaraan di Malaysia meliputi sejarah dan perkembangan awal tamadun, perkembangan dan dasar-dasar kerajaan dalam proses pembinaan negara bangsa.

#### **HNS2032 (UPU3412) KESUKARELAWANAN**

**2 Kredit**

Kursus ini menjelaskan kepada pelajar berkaitan falsafah, konsep, teori dan kepentingan kesukarelawan kepada individu dan masyarakat. Kursus ini menekankan kepada kecenderungan mengamalkan tindakan secara sukarela dan membina hubungan baik sesama sendiri serta perancangan yang sistematik dalam program kesukarelawan.

#### **BMW3032 (UBM3252) WACANA AKADEMIK BAHASA MELAYU**

**2 Kredit**

Kursus Ini bertujuan meningkatkan kemahiran komunikasi dalam wacana akademik pelajar mengikut disiplin masing-masing. Penekanan diberi kepada kedua-dua kemahiran bahasa, iaitu kemahiran reseptif dan kemahiran produktif. Pelajar akan didedahkan dengan teori dan ciri wacana akademik dalam mengaplikasikan kemahiran komunikasi secara berkesan.

#### **BMU3142 (UBM3132) ASAS KOMUNIKASI BAHASA MELAYU 2**

**2 Kredit**

Kursus ini menekankan penguasaan kemahiran bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa agar dapat berkomunikasi dalam situasi kehidupan harian dengan baik. Pelajar akan diperkenalkan dengan pertuturan dan penulisan Bahasa Melayu mudah. Fokus utama adalah menguasai kemahiran asas komunikasi merangkumi aspek bertutur, menulis, membaca dan mendengar dalam bahasa Melayu.

#### **PPI3012 (UPU3222) BUDAYA KEUSAHAWANAN**

**2 Kredit**

Kursus ini memberi fokus kepada pengajian keusahawanan dan kemahiran perniagaan dengan penekanan terhadap pelaksanaan pembelajaran secara interaktif. Para pelajar akan didedahkan dengan teori, konsep serta amalan keusahawanan yang berkesan.

## SINOPSIS KURSUS UNIVERSITI

### **HNS3192 (UPU3112) FALSAFAH DAN ISU SEMASA**

**2 Kredit**

Kursus ini merangkumi hubungan ilmu falsafah dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara. Penggunaan falsafah sebagai alat untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. Topik utama dalam falsafah iaitu epistemologi, metafizik dan etika dibincangkan dalam konteks isu semasa. Penekanan diberikan kepada falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai sepunya. Di hujung kursus ini pelajar akan mampu melihat disiplin-disiplin ilmu sebagai satu badan ilmu yang komprehensif dan terkait antara satu sama lain.

### **AMC3012(UPU3322) WARISAN SENI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA**

**2 Kredit**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada pelbagai bentuk seni masyarakat berbilang bangsa dan kaum etnik yang menjadi sebahagian daripada warisan budaya Malaysia. Pelajar akan mengkaji muzik, tarian, teater dan kraf tradisional yang mewakili budaya unik masyarakat Malaysia di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Melalui penglibatan secara praktikal dalam seni persembahan dan pembuatan kraf terpilih, pelajar akan membina penghargaan yang lebih tinggi terhadap warisan budaya Malaysia dan kefahaman yang lebih baik tentang masyarakat Malaysia.

### **HNF3012 (UPU3132) FALSAFAH ILMU**

**2 Kredit**

Kursus ini membincangkan konsep ilmu dan falsafah, sumber dan klasifikasi ilmu, manusia dan akal, dan kepentingan ilmu dalam mengangkat martabat manusia. Aspek perbandingan antara falsafah ilmu Islam dan Barat turut di bincang dari aspek aksiologi, ontologi dan epistemologi bagi mendedahkan pelajar akan persamaan dan perbezaan yang disumbangkan oleh kedua-dua pemikiran ini dalam tamadun manusia

### **HNH3182 (UPU3122) PENGHAYATAN DAN ETIKA PERADABAN**

**2 Kredit**

Kursus ini menerangkan tentang konsep etika daripada perspektif peradaban yang berbeza. Ia bertujuan bagi mengenal pasti sistem, tahap perkembangan, kemajuan dan kebudayaan sesuatu bangsa dalam mengukuhkan kesepaduan sosial. Selain itu, perbincangan berkaitan isu-isu kontemporari dalam aspek ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar daripada perspektif etika dan peradaban dapat melahirkan pelajar yang bermoral dan profesional. Penerapan amalan pendidikan berimpak tinggi (HIEPs) yang bersesuaian digunakan dalam penyampaian kursus ini. Di hujung kursus ini pelajar akan dapat menghubungkan etika dan kewarganegaraan berminda sivik.

### **BIU2032 (UBI3232) ENGLISH PROFICIENCY 3**

**2 Kredit**

Ini merupakan kursus peringkat pertengahan atas yang meningkatkan keupayaan pelajar untuk membina struktur ayat majmuk dengan menggunakan frasa dan klausa yang berkaitan. Pelajar dapat menyatakan persetujuan dan bantahan dengan justifikasi yang baik dalam aktiviti mendengar dan bertutur. Pelajar boleh membuat inferens, membuat kesimpulan dan meramalkan hasil dari bahan bacaan. Tatabahasa berfokus membantu pelajar dalam menulis laporan, esei naratif dan sebab dan akibat.

### **BIU2042 (UBI3242) ENGLISH PROFICIENCY 4**

**2 Kredit**

Ini adalah kursus bahasa Inggeris peringkat tinggi untuk pelajar yang sudah biasa dengan kebanyakan corak struktur bahasa Inggeris dan boleh menggunakannya dalam kedua-dua situasi akademik dan tempat kerja. Ia meningkatkan keupayaan pelajar untuk membina struktur kompleks, menyampaikan dan menilai hujah-hujah secara sistematik dalam aktiviti mendengar, bertutur dan menulis. Pelajar menguasai kemahiran membaca kritikal dengan menilai maklumat daripada bahan bacaan dan menulis esei proses, membandingkan dan membezakan, dan perbahasan.

### **MTE3012 KOMPETENSI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (Ujian Diagnostik)**

**2 Kredit**

Kursus ini akan menyediakan para pelajar dengan pengetahuan asas, prinsip dan kemahiran mengenai teknologi maklumat dan komunikasi. Selain daripada itu, para pelajar akan diberi kemahiran menggunakan perisian-perisian yang disokong oleh elemen multimedia, Internet dan komunikasi bagi meningkatkan kualiti tugas-tugas yang disediakan. Pelajar juga akan didedahkan kepada keselamatan, etika, penulisan teknikal dan profesionalisma dalam ICT.

## STRUKTUR PENGAJIAN PROGRAM SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TARI) DENGAN KEPUJIAN

STRUKTUR 120 JAM KREDIT		
KOD KURSUS	KOMPONEN	KREDIT
<b>KURSUS-KURSUS UNIVERSITI</b>		
HNP3312 (UPU3312) / ***HNS2032 (UPU3412)	Pengajian Kenegaraan / *** Kesukarelawan	2
BMW3032 (UBM3252)/ ***BMU3142 (UBM3132)	Wacana Akademik Bahasa Melayu / *** Asas Komunikasi Bahasa Melayu 2	2
PPI3012 (UPU3222)	Budaya Keusahawanan	2
HNS3192 (UPU3112) / ***AMC3012 (UPU3322)	Falsafah dan Isu Semasa / *** Warisan Seni dan Budaya Malaysia	2
HNF3012 (UPU3132)	Falsafah Ilmu	2
HNH3182 (UPU3122)	Penghayatan dan Etika Peradaban	2
BIU2032 (UBI3232)	**English Proficiency 3	2
BIU2042 (UBI3242)	**English Proficiency 4	2
*MTE3012	Ko-kurikulum 1,2	2
	Kompetensi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Ujian Diagnostik)	2
*** Kursus Universiti yang perlu diambil oleh Pelajar Bukan Warganegara		<b>JUMLAH</b>
		<b>20</b>
<b>MAJOR</b>		
APC3063	Pengenalan Teknik Asas Tari	3
APC3073	Pelaziman Tubuh	3
APC3083	Teori dan Apresiasi Muzik	3
APC3093	Teknik Asas Lakonan	3
APC3103	Pengurusan Produksi Seni Persembahan	3
APC3113	Prinsip Rekaan Untuk Seni Persembahan	3
APC3122	Perspektif Seni Persembahan	2
ADP3093	Tari Klasik Melayu	3
ADT3072	Sejarah Tari Dunia	2
ADP3192	Ballet	2
APC3013	Teori Seni Persembahan	3
APC3133	Rekaan Cahaya Pentas	3
APC3143	Teater Muzikal	3
APC3153	Muzik Kreatif dalam Seni Persembahan	3
APC3162	Pengenalan dalam Penyelidikan Seni Persembahan	2
ADP3043	Tari Tradisional Melayu	3
APC3053	Kajian Ilmiah	3
APC3173	Pedagogi Seni Persembahan	3
APC3183	Kaedah Pengajaran Pergerakan Kreatif	3
APC3193	Teater Tradisional Nusantara	3
ADP3212	Improvisasi dan Komposisi	2
#ADP3202	#Teknik Tari Kontemporari	2
ADT3062	Pengenalan Etnokoreologi	2
APC3023	Pengurusan Seni dan Kerjaya	3
APC3203	Teknologi dalam Seni Persembahan	3
APC3213	Rekaan Tatarias dan Kostum	3
ADP3222	Tari Sabah dan Sarawak	2

KOD KURSUS	KOMPONEN	KREDIT
#ADP3103	#Koreografi	3
APC3033	Seminar Seni Persembahan	3
#ADP3236	#Projek Akhir Tari	6
<b>JUMLAH</b>		<b>85</b>
APC3226	Latihan Industri	6
	Kursus Elektif 1	3
	Kursus Elektif 2	3
	Kursus Elektif 3	3
<b>JUMLAH</b>		<b>15</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>120</b>

# Senarai kursus yang mempunyai prasyarat

\* Pelajar yang lulus Ujian Diagnostik akan dikecualikan daripada mendaftar kursus MTE3012 Kompetensi Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan sekiranya tidak berjaya (gagal), pelajar perlu mendaftar kursus tersebut sebagai Kursus Universiti.

\*\* Kursus yang wajib diulang sekiranya memperoleh Gred C- dan ke bawah

## SENARAI PRASYARAT SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TARI) DENGAN KEPUJIAN

BIL.	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	PRASYARAT	
			KOD KURSUS	NAMA KURSUS
1.	ADP3202	Teknik Tari Kontemporari	ADP3192	Ballet
2.	ADP3236	Projek Akhir Tari	ADP3103	Koreografi
			APC3013	Teori Seni Persembahan

## STRUKTUR PENGAJIAN MENGIKUT SEMESTER SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TARI) DENGAN KEPUJIAN

AMBILAN OKTOBER SESI 1 SEMESTER 2021/2022 (A211) - 120 JAM KREDIT					
SEMESTER 1			SEMESTER 2		
<u>KOD KURSUS</u>	<u>NAMA KURSUS</u>	<u>KT</u>	<u>KOD KURSUS</u>	<u>NAMA KURSUS</u>	<u>KT</u>
MTE3012	Kompetensi Teknologi Maklumat dan Komunikasi * Ujian Diagnostik	2	UPU3222 UPU3112 / **UPU3322	Budaya Keusahawanan Falsafah dan Isu Semasa **Warisan Seni dan Budaya Malaysia	2 2
UPU3312 / **UPU3412	Pengajian Kenegaraan/ **Kesukarelawan	2	UPU3132	Falsafah Ilmu Ko-kurikulum	2 1
UBM3252 / **UBM3132	Wacana Akademik Bahasa Melayu/ Asas Komunikasi Bahasa Melayu 2 Ko-kurikulum	2 1	APC3103	Pengurusan Produksi Seni Persembahan	3
APC3063	Pengenalan Teknik Asas Tari	3	APC3113	Prinsip Rekaan Untuk Seni Persembahan	3
APC3073	Pelaziman Tubuh	3	APC3122	Perspektif Seni Persembahan	2
APC3083	Teori dan Apresiasi Muzik	3	ADP3093	Tari Klasik Melayu	3
APC3093	Teknik Asas Lakonan	3	ADT3072	Sejarah Tari Dunia	2
			ADP3192	Ballet	2
<b>JUMLAH JAM KREDIT</b>		<b>19</b>	<b>JUMLAH JAM KREDIT</b>		<b>22</b>
SEMESTER 3			SEMESTER 4		
<u>KOD KURSUS</u>	<u>NAMA KURSUS</u>	<u>KT</u>	<u>KOD KURSUS</u>	<u>NAMA KURSUS</u>	<u>KT</u>
UPU3122	Penghayatan Etika dan Peradaban	2	UBI3242	English Proficiency 4	2
UBI3232	English Proficiency 3	2	APC3053	Kajian Ilmiah	3
APC3013	Teori Seni Persembahan	3	APC3173	Pedagogi Seni Persembahan	3
APC3133	Rekaan Cahaya Pentas	3	APC3183	Kaedah Pengajaran Pergerakan	3
APC3143	Teater Muzikal	3	APC3193	Kreatif	3
APC3153	Muzik Kreatif dalam Seni	3	ADP3212	Teater Tradisional Nusantara	2
APC3162	Persembahan	2	ADP3202	Improvisasi dan Komposisi	2
ADP3043	Pengenalan dalam Penyelidikan Seni Persembahan Tari Tradisional Melayu	3	ADT3062	Teknik Tari Kontemporari Pengenalan Etnokoreologi	2
<b>JUMLAH JAM KREDIT</b>		<b>21</b>	<b>JUMLAH JAM KREDIT</b>		<b>20</b>
SEMESTER 5			SEMESTER 6		
<u>KOD KURSUS</u>	<u>NAMA KURSUS</u>	<u>KT</u>	<u>KOD KURSUS</u>	<u>NAMA KURSUS</u>	<u>KT</u>
APC3023	Pengurusan Seni dan Kerjaya	3	APC3033	Seminar Seni Persembahan	3
APC3203	Teknologi dalam Seni Persembahan	3	ADP3236	Projek Akhir Tari	6
APC3213	Rekaan Tatarias dan Kostum	3	APC3226	Latihan Industri	6
ADP3222	Tari Sabah dan Sarawak	2		Kursus Elektif 3	3
ADP3103	Koreografi	3			
	Kursus Elektif 1	3			
	Kursus Elektif 2	3			
<b>JUMLAH JAM KREDIT</b>		<b>20</b>	<b>JUMLAH JAM KREDIT</b>		<b>18</b>

\* Pelajar yang lulus Ujian Diagnostik akan dikecualikan daripada mendaftar kursus MTE3012 Kompetensi Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan sekiranya tidak berjaya (gagal), pelajar perlu mendaftar kursus tersebut sebagai Kursus Universiti.

\*\* Kursus Universiti yang perlu diambil oleh Pelajar Bukan Warganegara

## SINOPSIS KURSUS SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TARI) DENGAN KEPUJIAN

### **APC3063 PENGENALAN TEKNIK ASAS TARI**

**3 Kredit**

**Prasyarat: Tiada**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada elemen pergerakan dan menyediakan tubuh untuk mempersembahkan pelbagai aktiviti fizikal artistik. Pelajar akan didedahkan dengan prinsip penajajaran tubuh dan amalan keselamatan tari.

### **APC3073 PELAZIMAN TUBUH**

**3 Kredit**

**Prasyarat: Tiada**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada elemen-elemen pelaziman tubuh dan menyediakan tubuh untuk mempersembahkan pelbagai aktiviti fizikal artistik, dengan penekanan kepada tahap stamina, kekuatan otot, kelenturan, koordinasi tubuh dan amalan keselamatan senaman.

### **APC3083 TEORI DAN APRESIASI MUZIK**

**3 Kredit**

**Prasyarat: Tiada**

